

DUNIA SENI VISUAL TAHUN 1
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (2018)

MASA: 1 JAM 30 MINIT

NAMA :

KELAS :

Kertas ini mengandungi empat (4) soalan. Calon dikehendaki menjawab satu (1) soalan sahaja. Semua alat dan bahan hendaklah disediakan oleh calon. Hanya kertas lukisan sahaja akan disediakan.

1. Bidang : Menggambar
Aktiviti : lukisan sayur-sayuran
Bahan-bahan : pensel, pensel warna / krayon
Soalan : Hasilkan sebuah karya lukisan yang bertajuk sayur-sayuran.
Lukisan perlulah mempunyai lebih daripada dua jenis sayuran.

2. Bidang : Mencorak dan membuat rekaan
Aktiviti : penanda buku – membuat corak bebas
Bahan-bahan : Pensel, pensel warna/krayon, gam, gunting dan tali reben
Soalan : Hasilkan sekeping penanda buku yang menekankan corak yang pelbagai. Murid bebas untuk menghasilkan corak berdasarkan penekanan terhadap unsur seni garisan, rupa, bentuk dan warna.

3. Bidang : Membentuk dan membuat binaan
Aktiviti : Model
Bahan-bahan : kotak, pensel, pensel warna/krayon, pembaris, gam dan gunting.
Soalan : Hasilkan sebuah karya model kenderaan. Contoh karya yang dicadangkan adalah seperti model kereta, kapal, lori dan kenderaan lain yang bersesuaian.

4. Bidang : Mengenal kraf tradisional
Aktiviti : Anyaman

Bahan-bahan : kertas warna (dua atau lebih warna berbeza), gam, gunting
dan pembaris.

Soalan : Hasilkan satu karya anyaman mata bilis dengan
menggunakan sekurang-kurangnya dua warna yang
berbeza.